



UMS 16/02/2014/226

UMS gariskan 7 penyelidikan berimpak tinggi

KOTA KINABALU 15 Feb. – Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadikan penghasilan penyelidikan dan inovasi berkualiti sebagai budaya dan amalan berterusan warga universiti itu.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon (gambar) berkata, pihaknya telah menggariskan tujuh platform penyelidikan berimpak tinggi yang akan diberi perhatian.

“Ia termasuklah pemanasan global, penyakit berjangkit, perubahan tropika, keselamatan tenaga dan air, kecukupan makanan, pembuatan termaju serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Selain itu, kita juga perlu melihat kluster utama yang dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi negara seperti nanoteknologi, kitar semula tenaga, Aeroangkasa dan sebagainya,” katanya di sini hari ini.

Menurut Kamaruzaman, pada tahun lalu UMS telah mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) daripada segi kuantiti dan kualiti penyertaan penyelidikan.

Beliau memberitahu, sebanyak RM9.5 juta telah disalurkan kepada 129 projek penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik UMS sepanjang tahun lalu.

“Jumlah itu melebihi daripada sasaran kita pada tahun lalu dan ia termasuklah satu kajian yang berjaya mendapat geran sebanyak RM2 juta iaitu yang terbesar diperolehi dalam satu penyelidikan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau yakin, berdasarkan kepada pencapaian cemerlang UMS sebelum ini akan membolehkan universiti tersebut menghasilkan lebih banyak penyelidikan berkualiti.

Katanya, kewujudan tiga pusat kecemerlangan penyelidikan di UMS iaitu Institut Penyelidikan Marin Borneo, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan serta Institut Penyelidikan

Bioteknologi akan memacu kecemerlangan penyelidikan di universiti itu.

“Kita amat bertuah kerana lokasi strategik UMS yang terletak di tengah-tengah nusantara dan kepulauan Borneo yang memiliki kepelbagaian sumber yang belum diteroka.

“Malah, keterampilan kita sebagai salah satu institusi yang menggariskan kepelbagaian etnik dan memanipulasi kepelbagaian sumber di Borneo menjadikan UMS sentiasa menjadi rujukan di dalam dan luar negara,” ujarinya.

Beliau berkata, bagi memantapkan lagi hasil penyelidikan, UMS akan turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.